HongLeong هوغ ليوغ عيم.ايس.اءي.جي.تكافل MSIG Takaful

GROUP TERM TAKAFUL CERTIFICATE OF PARTICIPATION
SIJIL PENYERTAAN TAKAFUL BERTEMPOH BERKELOMPOK

TAKAFUL CERTIFICATE
SIJIL TAKAFUL

CERTIFICATE NO. *NO. SIJIL*	<Individual Certificate No>	**DATE** *TARIKH*	DD/MM/YYYY

This is to certify that / *Ini memperakui yang*

<Person Covered's Name>	**I.C. Number** *No. Kad Pengenalan*	<IC No>

is covered under the Takaful Operator's Group Master Certificate No:
diperlindungkan di bawah Sijil Induk Pengendali Takaful bernombor:
<Master Certificate No.>

issued to
dikeluarkan kepada
<Master Certificate Holder's Name.>

subject to the terms and provisions of the said contract.
berdasarkan syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan kontrak yang dinyatakan.

Entry Date (Commencement date) *Tarikh Masuk (Tarikh kuatkuasa)*	DD/MM/YYYY	**Expiry Date** *Tarikh Akhir*	DD/MM/YYYY
Entry Age (ANB) *Umur Kemasukan*	<Person Covered's Age>	**Age Admission** *Umur Disahkan*	Yes/No *Ya/Tidak*
Coverage Term *Tempoh Perlindungan*	<X> years/ *tahun*		

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits.Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Hong Leong MSIG Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong LeongMSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

هوغ ليوغ عيم.ايس.اءي.جي.تكافل
HongLeong MSIG Takaful

COVERAGE / *PERLINDUNGAN:*

TYPE OF COVERAGE *(JENIS PERLINDUNGAN)*	**TOTAL SUM COVERED** *(JUMLAH PERLINDUNGAN)*
Death *(Kematian)*	RM 70,000
Total and Permanent Disability *(Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal)*	RM 70,000

WAKALAH FEES AND OTHER CHARGES / *YURAN WAKALAH DAN CAJ-CAJ LAIN:*

Wakalah Fee on Gross Contribution / *Yuran Wakalah atas Sumbangan Kasar*

Percentage of Basic Contribution deducted for Wakalah Fee: / *Peratusan dari Sumbangan Asas yang ditolak untuk Yuran Wakalah:*

36%

Surrender charge / *Caj serahan*

Not applicable / *Tidak Berkenaan*

Partial Withdrawal Charge / *Yuran Pengeluaran Separa*

Not applicable / *Tidak Berkenaan*

Yours Sincerely/ *Yang Benar*
For/ *Untuk* **HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD**



Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif

CERTIFICATE SUMMARY
RINGKASAN SIJIL

Except where the context otherwise requires, or unless this Takaful Certificate otherwise provides, all words and expressions defined in the Master Certificate when used or referred to in this Takaful Certificate shall have the same meaning as that provided in the Master Certificate.
Melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain, atau melainkan Sijil Takaful memperuntukkan selainnya, semua istilah dan ungkapan yang ditakrifkan di dalam Sijil Induk apabila digunakan atau dirujuk di dalam Sijil Takaful ini hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti dalam Sijil Induk.

Definitions / *Definisi*

Unless otherwise required by the context, the following definition shall control:
Melainkan konteks menetapkan selainnya, definisi berikut akan diguna pakai:

"Activities of Daily Living (ADL)" shall mean as follows:
*"**Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)**" bermaksud seperti berikut:*

a) Transfer / *Tukar kedudukan*:
Getting in and out of a chair without requiring physical assistance.
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.

b) Mobility / *Pergerakan*:
The ability to move from room to room without requiring any physical assistance.
Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.

c) Continence / *Kontinens*:
The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
Keupayaan untuk mengawal keinginan membuang air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri.

d) Dressing / *Memakai pakaian*:
Putting on and taking off all necessary items of clothing without requiring assistance of another person.
Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.

e) Bathing/Washing / *Mandi/Membersihkan diri*:
The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
Keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau pancuran air (termasuk keluar masuk bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.

f) Eating / *Makan*:
All tasks of getting food into the body once it has been prepared.
Semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan disediakan.

"**Age**" shall mean the age of the Person Covered on his/her next birthday;
*"**Umur**" bermaksud umur Orang Dilindungi pada hari jadi berikutnya;*

"**Certificate Anniversary**" shall mean the anniversary of the Commencement Date as specified in the Takaful Certificate;
*"**Ulang Tahun Sijil**" bermaksud ulang tahun Tarikh Kuatkuasa seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful;*

"**Certificate Year**" shall mean the one-year period twelve (12) months including the effective date of commencement of the Takaful Cover and immediately following that date, or the one-year period following the Renewal or Renewed Certificate;
*"**Tahun Sijil**" bermaksud tempoh satu tahun merangkumi dua belas (12) bulan termasuk tarikh kuat kuasa permulaan Perlindungan Takaful dan sejurus selepas tarikh tersebut, atau tempoh satu tahun selepas Pembaharuan Sijil atau Sijil Diperbaharui;*

"Commencement/Entry Date" shall mean the date on which Takaful coverage for the Person Covered becomes effective;
"**Tarikh Kuatkuasa/Masuk**" bermaksud tarikh perlindungan Takaful untuk Orang Dilindungi tertentu mula berkuat kuasa;

"**Contribution**" shall mean the contribution made by the Person Covered via the Master Certificate Holder;
*"**Sumbangan**" bermaksud sumbangan yang dibuat oleh Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk;*

"Iltizam Bi Al Tabarru'" shall mean commitment to make Tabarru';
*"**Iltizam Bi Al Tabarru'**" bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru';*

"Injury" shall mean bodily injury caused solely by Accident;
"Kecederaan" bermaksud kecederaan badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan;

"**Ju'alah**" means an agreement in which the Person Covered agrees to reward the Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the Participants' Risk Fund (PRF) that leads to surplus to the PRF;
*"**Ju'alah**" bermaksud perjanjian di mana Orang Dilindungi bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta (PRF) yang membawa kepada lebihan PRF;*

"**Master Certificate**" shall mean the agreement, any riders or endorsements therein, any amendments thereto signed by the Takaful Operator, the application of the Master Certificate Holder, and the individual Application Forms, if any, of the Person Covered constituting the entire contract between the parties;
***"Sijil Induk"** bermaksud perjanjian, mana-mana rider atau pengendorsan di dalam itu, sebarang pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh Pengendali Takaful, permohonan Pemegang Sijil, dan setiap Borang Permohonan Orang Dilindungi, jika ada, yang merangkumi seluruh kontrak antara pihak terbabit;*

"**Master Certificate Holder**" shall mean institution or any organization named herein or a subsidiary to whom the Master Certificate has been issued in respect of cover for persons specifically identified as Person Covered in the Master Certificate;
*"**Pemegang Sijil Induk**" bermaksud institusi atau mana-mana organisasi yang dinamakan di dalam ini atau anak syarikat di mana Sijil Induk telah dikeluarkan bagi melindungi orang yang dikenal pasti secara khusus sebagai Orang Dilindungi dalam Sijil Induk;*

"Participants' Risk Fund (PRF)" shall mean a pool of funds for the purposes of mutual assistance, solidarity, brotherhood and for the mutual benefits of all Person Covered. The Master Certificate Holder shall agree, whilst their participation is in force, to allocate the Takaful Contributions a whole of which (after prescribed deduction of Wakalah Fees) is maintained in the PRF as "Tabarru" subject to the terms and conditions expressed herein;
*"**Dana Risiko Peserta (PRF)**" bermaksud sekumpulan dana untuk tujuan bantuan bersama, kemuafakatan, persaudaraan dan manfaat bersama semua Orang Dilindungi. Pemegang Sijil Induk hendaklah bersetuju, selagi penyertaan mereka berkuat kuasa, untuk memperuntukkan Sumbangan Takaful secara sepenuhnya (selepas ditolak Yuran Wakalah yang ditetapkan) dikekalkan di dalam PRF sebagai "Tabarru" tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini;*

"Permanent" means expected to last throughout the lifetime of the Person Covered.
*"**Kekal**" bermaksud dijangka berterusan sepanjang hayat Orang Dilindungi.*

"**Person Covered**" shall mean the person named in this Takaful Certificate;
***"Orang Dilindungi"** bermaksud orang yang dinamakan dalam Sijil Takaful ini;*

"**Presumptive Disability**" means the occurrence of any of the following Disability:
***"Hilang Upaya Andaian"** bermaksud berlakunya mana-mana daripada Hilang Upaya berikut:*

(i) Total and Permanent loss of the sight of both eyes; or
Hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan Kekal; atau

(ii) Permanent loss of two or more limbs by amputation at or above wrist and ankle; or
Hilang dua atau lebih anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang Kekal; atau

(iii) Total and Permanent loss of the sight of one (1) eye and Permanent loss of one (1) limb by amputation at or above wrist and ankle; or
Hilang penglihatan satu (1) mata secara menyeluruh dan Kekal dan hilang satu (1) anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang Kekal; atau

(iv) Permanent total paralysis.
Lumpuh menyeluruh yang Kekal.

"**Sickness, Disease or Illness**" shall mean a physical condition marked by a pathological deviation from the normal healthy state;
"**Keuzuran, Penyakit atau Kesakitan**" bermaksud keadaan fizikal yang berbeza dari segi patologi berbanding keadaan sihat biasa;

"**Sum Covered**" shall mean the amount of Takaful benefits payable to the Person Covered via the Master Certificate Holder in the event of Person Covered's death or becomes Total and Permanent Disability;
*"**Jumlah Perlindungan**" bermaksud amaun manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal;*

"**Tabarru'**" shall mean a certain portion of the Contribution that the Person Covered agrees to donate upon occurrence of activities and Takaful Events approved by Shariah Committee of the Takaful Operator, thus enabling him to fulfil his obligation of mutual help and joint guarantee should any of his fellow Person Covered suffer a defined loss where his donation is meant to help others and others' donations are meant to help him;
*"**Tabarru'**" bermaksud bahagian tertentu Sumbangan yang dipersetujui untuk disumbangkan oleh Orang Dilindungi apabila berlaku aktiviti dan Kejadian Takaful yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful, lantas membolehkan Orang Dilindungi memenuhi kewajipannya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya Orang Dilindungi lain mengalami kerugian yang dinyatakan, di mana sumbangannya bertujuan membantu orang lain dan sumbangan orang lain bertujuan membantunya;*

"**Takaful Events**" shall mean events on which the Takaful Benefits are payable;
*"**Kejadian Takaful**" bermaksud kejadian di mana Manfaat Takaful akan dibayar;*

"**Takaful Operator**" shall mean Hong Leong MSIG Takaful Berhad and its successors in title and lawful assigns;
*"**Pengendali Takaful**" bermaksud Hong Leong MSIG Takaful Berhad dan termasuk pengganti hak dan penerima serah hak yang sah;*

"**Total and Permanent Disability**" or "**TPD**" or "**Disability**" means any complete and continuous inability of the Person Covered due to Injury or Sickness to perform at least three (3) out of six (6) Activities of Daily Living (ADL) or suffers from Presumptive Disability.
*"**Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**" atau "**TPD**" atau "**Hilang Upaya**" bermaksud sebarang ketidakupayaan penuh dan berterusan Orang Dilindungi akibat Kecederaan atau Penyakit untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) atau mengalami Hilang Upaya Andaian.*

"**Wakalah Fees**" shall mean the Takaful Operator's administration, inclusive of all distribution commissions, to prudently manage the Takaful Funds for the interest of all Person Covered;
*"**Yuran Wakalah**" bermaksud yuran pentadbiran Pengendali Takaful, termasuk semua komisen pengedaran, untuk menguruskan Dana Takaful dengan teliti demi kepentingan semua Orang Dilindungi;*

A masculine personal pronoun as used herein includes the feminine, wherever the context requires.
Kata ganti nama lelaki seperti yang digunakan di dalam ini turut termasuk wanita, mengikut konteks.

Termination / *Penamatan*

The Takaful coverage hereunder of any Person Covered shall cease automatically upon the occurrence of any of the following events:
Perlindungan Takaful di bawah ini bagi mana-mana Orang Dilindungi hendaklah tamat secara automatik apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:

(a) The termination of the Master Certificate; or
Penamatan Sijil Induk; atau

(b) Upon death or TPD of the Person Covered; or
Apabila Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami TPD; atau

(c) Upon Person Covered age 51 years old, age next birthday; or
Ketika Orang Dilindungi berumur 51 tahun, umur pada hari jadi berikutnya; atau

(d) The cessation of Contribution payments on account of the Person Covered's Takaful coverage thereunder; or
Pemberhentian bayaran Sumbangan bagi perlindungan Takaful Orang Dilindungi tersebut; atau

(e) Such Person Covered's entry into the military, naval or air forces of any country at war, declared or undeclared; or
Orang Dilindungi menyertai tentera darat, laut atau udara mana-mana negara yang sedang berperang, sama ada diisytiharkan atau tidak; atau

(f) Upon expiry of the Master Certificate; or
Selepas luput Sijil Induk; atau

(g) When active membership with the Master Certificate Holder is terminated.
Apabila keahlian aktif dengan Pemegang Sijil Induk ditamatkan.

Contribution Payments / *Pembayaran Sumbangan*

Contributions are payable to the Takaful Operator via the Master Certificate Holder on a monthly basis. The first Contribution shall be payable at the Commencement Date and subsequent Contributions shall be payable on the Certificate Anniversary.
Sumbangan akan dibayar kepada Pengendali Takaful melalui Pemegang Sijil Induk secara bulanan. Sumbangan pertama akan dibayar pada Tarikh Kuatkuasa dan Sumbangan seterusnya akan dibayar pada Ulang Tahun Sijil.

Allocation of Contributions / *Peruntukan Sumbangan*

The Contributions, once received by the Takaful Operator, shall be allocated to, after due deduction of Wakalah Fees to the Takaful Operator Fund, to the PRF. The Takaful Operator is entitled to receive from each allocated Contribution prescribed Wakalah Fees for its services rendered which shall be deducted upon payment of Contributions by the Person Covered via the Master Certificate Holder.
Sumbangan, apabila diterima oleh Pengendali Takaful dan selepas ditolak Yuran Wakalah yang sewajarnya kepada Dana Pengendali Takaful, akan diperuntukkan kepada PRF. Pengendali Takaful berhak untuk menerima daripada setiap Sumbangan yang diperuntukkan, Yuran Wakalah bagi perkhidmatannya yang diberikan, yang akan ditolak daripada Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk.

The Wakalah Fees are inclusive of all distributors' commission. The Wakalah Fees shall be transferred to the Takaful Operator's Fund.
Yuran Wakalah adalah termasuk semua komisen pengedar. Yuran Wakalah akan dipindahkan kepada Dana Pengendali Takaful.

After deduction of prescribed Wakalah Fees, the remainders of Contributions shall be credited wholly into the PRF as Tabarru' charges, the amounts remaining in which are not obligations of the Takaful Operator.
Selepas ditolak Yuran Wakalah yang ditetapkan, baki Sumbangan akan dikreditkan sepenuhnya kepada PRF sebagai caj Tabarru', amaun bakinya adalah bukan kewajipan Pengendali Takaful.

Wakalah Fees / *Yuran Wakalah*

This fee will be applied upon payment of the monthly contribution and shall be defined as thirty six percent (36%) of the monthly contribution. The Takaful Operator may vary the Wakalah Fees from time to time subject to the approval of the Takaful Regulatory Authority. The Takaful Operator shall notify the Master Certificate Holder at least three (3) months before the revision.
Yuran ini dikenakan selepas pembayaran sumbangan bulanan dan ditakrifkan sebagai tiga puluh enam peratus (36%) sumbangan bulanan. Pengendali Takaful boleh mengubah Yuran Wakalah dari masa ke masa tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful. Pengendali Takaful hendaklah memberitahu Pemegang Sijil Induk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum semakan.

Participants' Risk Fund (PRF) / *Dana Risiko Peserta (PRF)*

The Takaful benefits will be paid from the PRF. The surplus in the PRF shall be determined on a yearly basis. At the end of each Financial Year of the Takaful Operator, subject to recommendation by the Takaful Operator's appointed actuary and Shariah Committee as well as the approval by the Takaful Operator's board of directors, such surplus will be shared between the Takaful Operator and the Person Covered in the ratio of 50:50.
Manfaat Takaful akan dibayar daripada PRF. Lebihan PRF akan ditentukan secara tahunan. Pada akhir setiap Tahun Kewangan bagi Pengendali Takaful, tertakluk kepada cadangan oleh ahli aktuari yang dilantik oleh Pengendali Takaful dan Jawatankuasa Syariah dan juga kelulusan oleh Lembaga Pengarah Pengendali Takaful, lebihan tersebut akan dikongsi antara Pengendali Takaful dan Orang Dilindungi pada nisbah 50:50.

Tabarru' / *Tabarru'*

The contribution after Wakalah Fee will be payable to the PRF and considered as donation to the extent of the used portion only.
Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan dibayar kepada PRF dan dianggap sebagai derma setakat bahagian yang digunakan sahaja.

Takaful Operator Fund / *Dana Pengendali Takaful*

The Takaful Operator's Fund shall receive the Wakalah Fees and in return shall provide for all management expenses and distributors' commissions, as well as fund any Qard which may be required in case of possible deficit in the PRF. The financed amount shall be recovered from future surplus generated in the PRF.
Dana Pengendali Takaful akan menerima Yuran Wakalah dan sebagai pertimbangan akan menanggung semua perbelanjaan pengurusan dan komisen pengedar, dan juga membiayai sebarang Qard, yang mungkin diperlukan sekiranya berlaku sebarang defisit dalam PRF. Jumlah dibiayai akan diperolehi semula daripada lebihan masa depan yang dihasilkan oleh PRF.

Qard / *Qard*

The shareholders of the Takaful Operator shall arrange, if necessary, Qard (or an interest free loan), if the PRF goes into a deficit position towards the solvency of the PRF after using the Contingency Reserves. The loan shall be repaid only on the original amount disbursed, from the future surplus of the PRF, in a lump sum or on an installment basis depending on the emerging future surplus and the amount of the finance disbursed.
Pemegang saham Pengendali Takaful hendaklah mengatur, jika perlu, Qard (atau pinjaman tanpa faedah), sekiranya PRF mengalami keadaan defisit yang menjejaskan kecairan PRF selepas menggunakan Rizab Luar Jangka. Pinjaman akan dibayar balik hanya setakat amaun asal yang dikeluarkan, daripada lebihan masa depan PRF, menerusi pembayaran sekali gus atau ansuran bergantung kepada lebihan masa depan yang timbul dan amaun Qard yang dikeluarkan.

Retakaful / *Takaful Semula*

The Takaful Operator on behalf of the all Person Covered under the Master Certificate shall be authorized to procure Retakaful to protect the interests of all Person Covered. Retakaful arrangement for each PRF shall be made independently and the Retakaful Contributions shall be paid from the PRF. In case that the required Retakaful that is appropriate and fair for the protection of the Person Covered is not available, the Takaful Operator has the right to make the appropriate Reinsurance arrangements as necessity.
Pengendali Takaful, bagi pihak semua Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk, akan diberi kebenaran untuk memperolehi Takaful Semula untuk melindungi kepentingan semua Orang Dilindungi. Perjanjian Takaful Semula bagi setiap PRF akan dibuat secara berasingan dan Sumbangan Takaful Semula akan dibayar daripada PRF. Sekiranya Takaful Semula yang diperlukan yang wajar dan adil untuk melindungi Orang Dilindungi tidak boleh didapati, Pengendali Takaful berhak untuk mengatur perjanjian Takaful Semula sebagai satu keperluan.

Renewal Privilege / *Keistimewaan Pembaharuan*

This Takaful Certificate is issued for the term of one (1) year and at the end of each Takaful Certificate Year may be renewed subject to the consent of the Takaful Operator for another certificate year.
Sijil Takaful ini dikeluarkan untuk tempoh satu (1) tahun dan pada akhir setiap Tahun Sijil Takaful, boleh diperbaharui tertakluk kepada kebenaran Pengendali Takaful bagi satu lagi tahun sijil.

The Contract / *Kontrak*

(a) All statements made by the Master Certificate Holder, or by the Person Covered shall in the absence of fraud, be deemed representations and not warranties, and no statement shall void the benefit, or be used in defence of a claim under it, unless it is in writing.
Semua kenyataan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Induk atau oleh Orang Dilindungi yang dilindungi, hendaklah tanpa penipuan, dianggap sebagai pernyataan dan bukan jaminan, dan tiada kenyataan akan membatalkan manfaat, atau digunakan untuk mempertahankan tuntutan di bawahnya, melainkan dibuat secara bertulis.

(b) The rights of the Master Certificate Holder or of any Person Covered under the Master Certificate shall not be affected by any provision other than those contained in this Certificate or in the copy of the Master Certificate Holder's application attached hereto, or in the individual application form of a Person Covered or in any other document which constitute part of the entire contract.
Hak Pemegang Sijil Induk atau mana-mana Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana peruntukan selain daripada yang terkandung di dalam Sijil ini atau dalam salinan permohonan Pemegang Sijil Induk yang dilampirkan bersama ini, atau dalam borang permohonan individu Orang Dilindungi atau dalam sebarang dokumen lain yang meliputi sebahagian daripada seluruh kontrak.

(c) No agent is authorized to alter or amend this Master Certificate, to accept Contributions in arrears or to extend the Due Date of the Contribution, to waive any notice or proof of claim required by this Master Certificate, or to extend the date before which any such notice or proof must be submitted. No change in this Master Certificate shall be valid unless approved by the Takaful Operator and evidenced by endorsement hereon, or by amendment hereto signed by the Master Certificate Holder and by the Takaful Operator.
Tiada ejen dibenarkan untuk mengubah atau meminda Sijil Induk ini, untuk menerima Sumbangan tertunggak atau melanjutkan Tarikh Sumbangan Perlu Bayar, untuk menepikan sebarang notis atau bukti tuntutan yang diperlukan oleh Sijil Induk, atau untuk melanjutkan tarikh di mana notis atau bukti tuntutan sedemikian perlu dikemukakan. Tiada perubahan dalam Sijil Induk ini adalah sah melainkan diluluskan oleh Pengendali Takaful dan dibuktikan menerusi pengendorsan di dalam ini, atau sebarang pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh Pemegang Sijil Induk dan oleh Pengendali Takaful.

Misstatement / *Salah Nyata*

(a) If the age or date of birth or other relevant facts relating to a Person Covered shall be found to have been misstated and if such misstatement affects the scale of benefits or has anything to do with the terms and conditions of the Master Certificate, the true age and facts shall be used in determining whether benefit is in force under the terms of the Master Certificate and the benefits payable therefrom, and an equitable adjustment of Contributions shall be made.
Jika umur atau tarikh lahir atau fakta berkaitan lain yang berkenaan dengan Orang Dilindungi didapati telah disalahnyatakan dan sekiranya salah nyata tersebut mempengaruhi skala manfaat atau berkaitan dengan terma dan syarat Sijil Induk, usia dan fakta sebenar hendaklah digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu manfaat berkuat kuasa di bawah terma Sijil Induk dan manfaat yang perlu dibayar daripadanya, dan pelarasan saksama Sumbangan akan dibuat.

(b) Where a misstatement of age or other relevant facts has caused a Person Covered to be covered hereunder when he is otherwise ineligible for benefit, or where such statement has caused a Person Covered to remain covered when he would otherwise be disqualified for further benefit in accordance with the terms and limitations of the Master Certificate, his benefit shall be void and there shall be a return of Contributions paid in respect of the Person Covered, provided always that where there is fraud on the part of the Master Certificate Holder or Person Covered, no Contributions paid are to be returned.
Apabila salah nyata umur atau fakta berkaitan yang lain telah menyebabkan Orang Dilindungi dilindungi di bawah ini sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima manfaat, atau di mana kenyataan tersebut telah menyebabkan Orang Dilindungi untuk terus kekal dilindungi sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima manfaat selanjutnya menurut terma dan had Sijil Induk, manfaat tersebut adalah tidak sah dan Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi akan dipulangkan, dengan syarat dalam segala hal bahawa jika didapati penipuan di pihak Pemegang Sijil Induk atau Orang Dilindungi, Sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan.

Contribution Rate / *Kadar Sumbangan*

(a) The Takaful Operator shall have the right to change the rate at which the Contributions shall be calculated on the Master Certificate anniversary provided the rate that is then being charged has been in effect for at least twelve (12) months and provided further that the Takaful Operator notifies the Master Certificate Holder at least thirty (30) days in advance.
Pengendali Takaful berhak untuk mengubah kadar di mana Sumbangan akan dikira pada ulang tahun Sijil Induk dengan syarat kadar yang dikenakan pada waktu itu telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pengendali Takaful memaklumkan Pemegang Sijil Induk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal.

(b) Contribution adjustments, if any, shall be made effective as from Certificate Anniversary only. Contribution adjustments involving return of unused Contribution to the Master Certificate Holder shall be limited to the period of twelve (12) months immediately preceding the date of receipt by the Takaful Operator of evidence that such adjustment should be made.
Pelarasan sumbangan, jika ada, akan dikuatkuasakan dari Ulang Tahun Sijil sahaja. Pelarasan Sumbangan melibatkan pemulangan Sumbangan yang tidak digunakan kepada Pemegang Sijil Induk adalah terhad kepada tempoh dua belas (12) bulan sejurus sebelum tarikh penerimaan oleh Pengendali Takaful tentang bukti bahawa pelarasan tersebut perlu dibuat.

Filing Proof of Loss / *Memfailkan Bukti Kerugian*

Written notice of claim must be given to the Takaful Operator within thirty (30) days of the Master Certificate Holder being aware of the event of claim under this certificate. The proof of claim must be given to the Takaful Operator within thirty (30) days in such forms furnished by the Takaful Operator at the Master Certificate Holder's expense. The Takaful Operator, however, may request the Person Covered to be examined by the Takaful Operator's Medical Examiner or the Master Certificate Holder to furnish the Takaful Operator with further medical reports.
Notis bertulis tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Pemegang Sijil Induk mengetahui tentang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah sijil ini. Bukti tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari dalam bentuk yang

ditetapkan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bagaimanapun, Pengendali boleh meminta Orang Dilindungi untuk diperiksa oleh Pemeriksa Perubatan Pengendali Takaful atau Pemegang Sijil Induk untuk memberikan laporan perubatan selanjutnya kepada Pengendali Takaful.

Other Clauses/ *Klausa Lain*

All claims related to the underwriting year for this Takaful Certificate reported up to 12 months from the expiry date will be processed based on the terms and conditions of this Takaful Certificate. The Takaful Operator will not be liable for claims reported after 12 months from the expiry date. In the event of any discrepancy between the provisions on notification of claims, the terms of this clause shall prevail.
Semua tuntutan yang berkaitan dengan tahun pengunderaitan bagi Sijil Takaful ini yang dilaporkan sehingga 12 bulan dari tarikh akhir akan diproses oleh Pengendali Takaful berdasarkan terma dan syarat Sijil Takaful ini. Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan yang dilaporkan selepas 12 bulan daripada Tarikh akhir. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara peruntukan mengenai pemberitahuan tuntutan, terma klausa ini akan diguna pakai.

Death Benefit / *Manfaat Kematian*

While this Takaful Certificate is in full force and effect, should the Person Covered die prior to the certificate's expiry, notification and proof of death (at the claimant's expense) must be filed as soon as practicable to the Takaful Operator. The Sum Covered of the Death Benefit as per Takaful Certificate shall be payable.
Selagi Sijil Takaful ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia sebelum tarikh akhir sijil, pemberitahuan dan bukti kematian (atas perbelanjaan penuntut) mesti difailkan secepat mungkin kepada Pengendali Takaful. Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Kematian menurut Sijil Takaful akan dibayar.

Total and Permanent Disability Benefit / *Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal*

While this Takaful Certificate is in full force and effect, should the Person Covered prior to attaining the maximum Total and Permanent Disability age limit suffers from Total and Permanent Disability or Presumptive Disability due to all causes, the Sum Covered of the Total and Permanent Disability Benefit as per the Takaful Certificate shall be payable from the PRF subject to the following conditions:-
Selagi Sijil Takaful ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi, sebelum mencapai had umur maksimum Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau Hilang Upaya Andaian atas semua sebab, maka Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal mengikut Sijil Takaful akan dibayar daripada PRF tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(a) In order for Us to determine for claim purposes the total and Permanent character of the Person Covered's Disability, it is mandatory that the Disability must be uninterrupted for at least six (6) months from first day that such Disability occurred except in cases of Presumptive Disability where We immediately recognise the Disability as being total and Permanent in nature.
Bagi membolehkan Kami menentukan untuk tujuan tuntutan sama ada Hilang Upaya Orang Dilindungi adalah menyeluruh dan kekal, adalah menjadi syarat mandatori bahawa Hilang Upaya tersebut berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari hari pertama Hilang Upaya berlaku kecuali dalam kes Hilang Upaya Andaian di mana Kami serta-merta mengiktiraf Hilang Upaya sebagai menyeluruh dan Kekal.

(b) The Person Covered will be deemed as totally and permanently disabled if the Person Covered is unable to perform at least three (3) of the ADL, either with or without the use of mechanical equipment, special devices or other aids and adaptations in use for disabled persons.
Orang Dilindungi akan dianggap hilang upaya secara menyeluruh dan kekal jika Orang Dilindungi tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) ADL, sama ada dengan atau tanpa menggunakan kelengkapan mekanikal, peralatan khas atau alat bantuan dan penyesuaian lain yang digunakan untuk orang kurang upaya.

(c) If the Disability commences while the Person Covered is still a juvenile, the juvenile Person Covered shall only be deemed totally and permanently disabled if the juvenile Person Covered suffers from a Presumptive Disability. For the purpose of this Certificate, a juvenile Person Covered shall continue to be considered a juvenile until he/she has attained the age of eighteen (18).

Jika Hilang Upaya bermula semasa Orang Dilindungi masih juvenil, Orang Dilindungi juvenil hanya dianggap hilang upaya secara menyeluruh dan kekal jika Orang Dilindungi juvenil mengalami Hilang Upaya Andaian. Untuk tujuan Sijil ini, Orang Dilindungi juvenil terus dianggap juvenil sehingga beliau mencapai umur lapan belas (18) tahun.

(d) Immediately after the happening of the Total and Permanent disability, full particulars thereof must be notified in writing to the Takaful Operator together with the then address and whereabouts of the Person Covered, and, within thirty (30) days after the happening of such Total and Permanent Disability.
Sebaik saja mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, butiran penuh mengenainya mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Pengendali Takaful, bersama dengan alamat dan kedudukan Orang Dilindungi, dan, dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tersebut.

(e) Any medical officer of the Takaful Operator shall be allowed to examine the Person Covered in respect of any alleged disability in the manner and at the times the Medical Officer may require.
Mana-mana pegawai perubatan Pengendali Takaful hendaklah dibenarkan untuk memeriksa Orang Dilindungi berhubung dengan hilang upaya yang didakwa dengan cara dan pada masa yang diperlukan oleh Pegawai Perubatan.

(f) If there is a failure to comply with any one of the foregoing provisions, no claim on account of Total and Permanent Disability shall arise or be valid or enforceable.
Jika terdapat kegagalan mematuhi mana-mana daripada peruntukan di atas, tiada tuntutan disebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan timbul atau menjadi sah atau boleh dikuatkuasakan.

(g) Notwithstanding anything herein contained, it is hereby declared and agreed that the aggregate of the amount payable for Total and Permanent Disability under this Takaful Certificate and all other certificates, if any, providing Total and Permanent Disability coverage for the Person Covered, either already issued or to be issued shall not exceed Ringgit Malaysia Eight Million (RM8,000,000.00)("Total and Permanent Disability Limit") at the time the Person Covered suffers the Total and Permanent Disability. If the aggregate of the amount payable for Total and Permanent Disability exceeds the Total and Permanent Disability Limit, only the Total and Permanent Disability Limit shall be paid and the balance of the Total and Permanent Disability Benefit under this Takaful Certificate shall be payable upon death of the Person Covered. The balance of the Total and Permanent Disability Benefit is not payable on the Expiry Date.
Walau apa pun yang terkandung di dalam ini, adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa amaun agregat yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Sijil Takaful ini dan semua sijil lain, jika ada, yang menyediakan perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bagi Orang Dilindungi, sama ada telah dikeluarkan atau akan dikeluarkan hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8,000,000.00) ("Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal") pada masa Orang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Jika amaun agregat yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal melebihi Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, hanya Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal hendaklah dibayar dan baki Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Sijil Takaful ini akan dibayar semasa kematian Orang Dilindungi. Baki Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar pada Tarikh Akhir.

Death Exclusions / *Pengecualian Kematian*

Should the Person Covered, commits suicide within a year from the Commencement Date regardless of his/her mental disposition during the commission of suicide, no Death benefit shall be payable.
Sekiranya Orang Dilindungi, membunuh diri dalam masa satu tahun dari Tarikh Kuatkuasa tanpa mengira keadaan mentalnya semasa membunuh diri, tiada manfaat Kematian akan dibayar.

TPD Exclusion / *Pengecualian TPD*

No Takaful benefit shall be payable if Total and Permanent Disability results directly or indirectly from:
Manfaat Takaful tidak akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat:

(a) Pre-Existing Condition (PEC):
Keadaan Sedia Ada (PEC):
Pre-existing condition shall mean any injury or illness
Keadaan sedia ada bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit
(a) which existed or have developed prior to the Entry Date; or
yang wujud atau telah dialami sebelum Tarikh Kemasukan; atau
(b) where there exists manifestation of illnesses prior to Entry Date; or
yang tanda penyakit wujud sebelum Tarikh Kemasukan; atau
(c) which based on normal medically accepted pathological development of the illness, such illness would have existed prior to Entry Date.
yang berasaskan perkembangan patologi normal yang diterima perubatan bagi penyakit tersebut, dan penyakit tersebut dianggap sudah wujud sebelum Tarikh Kemasukan.

(b) intentional self-inflicted injury or any attempt threat while sane or insane; or
kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau

(c) while under the influence of alcohol or drugs unless taken as prescribed by a medical practitioner. For the avoidance of doubt, a person is considered as under the influence of alcohol if the breath, blood or urine test result is over the prescribed limit under the Road Transport Act 1987 or applicable act in Malaysia law; or
semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan diambil seperti yang ditetapkan oleh pengamal perubatan. Untuk mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau air kencing melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau akta yang terpakai dalam undang-undang Malaysia; atau

(d) engaging in flying for the purpose of any trade or technical operation or hobby or in any other aerial activities except as a pilot, aircrew or as a fare paying passenger on a regularly scheduled flight of a commercial aircraft or charter service; or
melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau

(e) any breach of the law by the Person Covered; as a result of the Person Covered committing, attempting or provoking an assault or felony, or from any violation or attempted violation of law by the Person Covered or resistance to arrest; or
sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; disebabkan Orang Dilindungi melakukan, membuat percubaan atau memprovokasi serangan atau feloni, atau sebarang pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang Dilindungi atau tindakan menentang penangkapan; atau

(f) disease(s) resulting from HIV infection, AIDS or any AIDS related complex unless the condition or disease or infection arose as a result of blood transfusion or occupationally acquired; or
penyakit yang timbul daripada jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS melainkan keadaan atau penyakit atau jangkitan timbul disebabkan pemindahan darah atau dialami daripada pekerjaan; atau

(g) radiation or radioactive contamination from any source; or
radiasi atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana sumber; atau

(h) military or naval service in time of declared or undeclared war, while under order for warlike operations or restoration of public order; or
perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau

(i) riot and civil commotion, strikes or terrorist activities; or
rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan; atau

(j) involvement in any dangerous sports or hobbies such as racing (other than on foot), glider flying, sailing, or other hobbies which are comparably dangerous and risky; or
penglibatan dalam sebarang sukan atau hobi berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain dengan tahap bahaya atau risiko yang sebanding; atau

(k) any Disability that existed prior to or at the Commencement Date.
sebarang Hilang Upaya yang wujud sebelum atau pada Tarikh Kuatkuasa.

هوغ ليوغ عيم.ايس.اءي.جي.تكافل
HongLeong MSIG Takaful

GROUP TERM TAKAFUL CERTIFICATE OF PARTICIPATION
SIJIL PENYERTAAN TAKAFUL BERTEMPOH BERKELOMPOK

TAKAFUL CERTIFICATE
SIJIL TAKAFUL

CERTIFICATE NO. *NO. SIJIL*	<Individual Certificate No>	**DATE** *TARIKH*	DD/MM/YYYY

This is to certify that / *Ini memperakui yang*

<Person Covered's Name>	**I.C. Number** *No. Kad Pengenalan*	<IC No>

is covered under the Takaful Operator's Group Master Certificate No:
diperlindungkan di bawah Sijil Induk Pengendali Takaful bernombor:
<Master Certificate No.>

issued to
dikeluarkan kepada
<Master Certificate Holder's Name.>

subject to the terms and provisions of the said contract.
berdasarkan syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan kontrak yang dinyatakan.

Entry Date (Commencement date) *Tarikh Masuk (Tarikh kuatkuasa)*	DD/MM/YYYY	**Expiry Date** *Tarikh Akhir*	DD/MM/YYYY
Entry Age (ANB) *Umur Kemasukan*	<Person Covered's Age>	**Age Admission** *Umur Disahkan*	Yes/No *Ya/Tidak*
Coverage Term *Tempoh Perlindungan*	<X> years/ *tahun*		

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits.Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Hong Leong MSIG Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong LeongMSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

هوغ ليوغ عيم.ايس.اءي.جي.تكافل
HongLeong MSIG Takaful

COVERAGE / *PERLINDUNGAN:*

TYPE OF COVERAGE *(JENIS PERLINDUNGAN)*	**TOTAL SUM COVERED** *(JUMLAH PERLINDUNGAN)*
Death *(Kematian)*	RM 70,000
Total and Permanent Disability *(Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal)*	RM 70,000

WAKALAH FEES AND OTHER CHARGES / *YURAN WAKALAH DAN CAJ-CAJ LAIN:*

Wakalah Fee on Gross Contribution / *Yuran Wakalah atas Sumbangan Kasar*

Percentage of Basic Contribution deducted for Wakalah Fee: / *Peratusan dari Sumbangan Asas yang ditolak untuk Yuran Wakalah:*

36%

Surrender charge / *Caj serahan*

Not applicable / *Tidak Berkenaan*

Partial Withdrawal Charge / *Yuran Pengeluaran Separa*

Not applicable / *Tidak Berkenaan*

Yours Sincerely/ *Yang Benar*
For/ *Untuk* **HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD**



Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif

CERTIFICATE SUMMARY
RINGKASAN SIJIL

Except where the context otherwise requires, or unless this Takaful Certificate otherwise provides, all words and expressions defined in the Master Certificate when used or referred to in this Takaful Certificate shall have the same meaning as that provided in the Master Certificate.
Melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain, atau melainkan Sijil Takaful memperuntukkan selainnya, semua istilah dan ungkapan yang ditakrifkan di dalam Sijil Induk apabila digunakan atau dirujuk di dalam Sijil Takaful ini hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti dalam Sijil Induk.

Definitions / *Definisi*

Unless otherwise required by the context, the following definition shall control:
Melainkan konteks menetapkan selainnya, definisi berikut akan diguna pakai:

"Activities of Daily Living (ADL)" shall mean as follows:
*"**Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)**" bermaksud seperti berikut:*

a) Transfer / *Tukar kedudukan*:
Getting in and out of a chair without requiring physical assistance.
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.

b) Mobility / *Pergerakan*:
The ability to move from room to room without requiring any physical assistance.
Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.

c) Continence / *Kontinens*:
The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
Keupayaan untuk mengawal keinginan membuang air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri.

d) Dressing / *Memakai pakaian*:
Putting on and taking off all necessary items of clothing without requiring assistance of another person.
Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.

e) Bathing/Washing / *Mandi/Membersihkan diri*:
The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
Keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau pancuran air (termasuk keluar masuk bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.

f) Eating / *Makan*:
All tasks of getting food into the body once it has been prepared.
Semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan disediakan.

"**Age**" shall mean the age of the Person Covered on his/her next birthday;
*"**Umur**" bermaksud umur Orang Dilindungi pada hari jadi berikutnya;*

"**Certificate Anniversary**" shall mean the anniversary of the Commencement Date as specified in the Takaful Certificate;
*"**Ulang Tahun Sijil**" bermaksud ulang tahun Tarikh Kuatkuasa seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful;*

"**Certificate Year**" shall mean the one-year period twelve (12) months including the effective date of commencement of the Takaful Cover and immediately following that date, or the one-year period following the Renewal or Renewed Certificate;
*"**Tahun Sijil**" bermaksud tempoh satu tahun merangkumi dua belas (12) bulan termasuk tarikh kuat kuasa permulaan Perlindungan Takaful dan sejurus selepas tarikh tersebut, atau tempoh satu tahun selepas Pembaharuan Sijil atau Sijil Diperbaharui;*

"Commencement/Entry Date" shall mean the date on which Takaful coverage for the Person Covered becomes effective;
"**Tarikh Kuatkuasa/Masuk**" bermaksud tarikh perlindungan Takaful untuk Orang Dilindungi tertentu mula berkuat kuasa;

"**Contribution**" shall mean the contribution made by the Person Covered via the Master Certificate Holder;
*"**Sumbangan**" bermaksud sumbangan yang dibuat oleh Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk;*

"Iltizam Bi Al Tabarru'" shall mean commitment to make Tabarru';
*"**Iltizam Bi Al Tabarru'**" bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru';*

"Injury" shall mean bodily injury caused solely by Accident;
"Kecederaan" bermaksud kecederaan badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan;

"**Ju'alah**" means an agreement in which the Person Covered agrees to reward the Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the Participants' Risk Fund (PRF) that leads to surplus to the PRF;
*"**Ju'alah**" bermaksud perjanjian di mana Orang Dilindungi bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta (PRF) yang membawa kepada lebihan PRF;*

"**Master Certificate**" shall mean the agreement, any riders or endorsements therein, any amendments thereto signed by the Takaful Operator, the application of the Master Certificate Holder, and the individual Application Forms, if any, of the Person Covered constituting the entire contract between the parties;
***"Sijil Induk"** bermaksud perjanjian, mana-mana rider atau pengendorsan di dalam itu, sebarang pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh Pengendali Takaful, permohonan Pemegang Sijil, dan setiap Borang Permohonan Orang Dilindungi, jika ada, yang merangkumi seluruh kontrak antara pihak terbabit;*

"**Master Certificate Holder**" shall mean institution or any organization named herein or a subsidiary to whom the Master Certificate has been issued in respect of cover for persons specifically identified as Person Covered in the Master Certificate;
*"**Pemegang Sijil Induk**" bermaksud institusi atau mana-mana organisasi yang dinamakan di dalam ini atau anak syarikat di mana Sijil Induk telah dikeluarkan bagi melindungi orang yang dikenal pasti secara khusus sebagai Orang Dilindungi dalam Sijil Induk;*

"Participants' Risk Fund (PRF)" shall mean a pool of funds for the purposes of mutual assistance, solidarity, brotherhood and for the mutual benefits of all Person Covered. The Master Certificate Holder shall agree, whilst their participation is in force, to allocate the Takaful Contributions a whole of which (after prescribed deduction of Wakalah Fees) is maintained in the PRF as "Tabarru" subject to the terms and conditions expressed herein;
*"**Dana Risiko Peserta (PRF)**" bermaksud sekumpulan dana untuk tujuan bantuan bersama, kemuafakatan, persaudaraan dan manfaat bersama semua Orang Dilindungi. Pemegang Sijil Induk hendaklah bersetuju, selagi penyertaan mereka berkuat kuasa, untuk memperuntukkan Sumbangan Takaful secara sepenuhnya (selepas ditolak Yuran Wakalah yang ditetapkan) dikekalkan di dalam PRF sebagai "Tabarru" tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini;*

"Permanent" means expected to last throughout the lifetime of the Person Covered.
*"**Kekal**" bermaksud dijangka berterusan sepanjang hayat Orang Dilindungi.*

"**Person Covered**" shall mean the person named in this Takaful Certificate;
***"Orang Dilindungi"** bermaksud orang yang dinamakan dalam Sijil Takaful ini;*

"**Presumptive Disability**" means the occurrence of any of the following Disability:
***"Hilang Upaya Andaian"** bermaksud berlakunya mana-mana daripada Hilang Upaya berikut:*

(i) Total and Permanent loss of the sight of both eyes; or
Hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan Kekal; atau

(ii) Permanent loss of two or more limbs by amputation at or above wrist and ankle; or
Hilang dua atau lebih anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang Kekal; atau

(iii) Total and Permanent loss of the sight of one (1) eye and Permanent loss of one (1) limb by amputation at or above wrist and ankle; or
Hilang penglihatan satu (1) mata secara menyeluruh dan Kekal dan hilang satu (1) anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang Kekal; atau

(iv) Permanent total paralysis.
Lumpuh menyeluruh yang Kekal.

"**Sickness, Disease or Illness**" shall mean a physical condition marked by a pathological deviation from the normal healthy state;
"**Keuzuran, Penyakit atau Kesakitan**" bermaksud keadaan fizikal yang berbeza dari segi patologi berbanding keadaan sihat biasa;

"**Sum Covered**" shall mean the amount of Takaful benefits payable to the Person Covered via the Master Certificate Holder in the event of Person Covered's death or becomes Total and Permanent Disability;
*"**Jumlah Perlindungan**" bermaksud amaun manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal;*

"**Tabarru'**" shall mean a certain portion of the Contribution that the Person Covered agrees to donate upon occurrence of activities and Takaful Events approved by Shariah Committee of the Takaful Operator, thus enabling him to fulfil his obligation of mutual help and joint guarantee should any of his fellow Person Covered suffer a defined loss where his donation is meant to help others and others' donations are meant to help him;
*"**Tabarru'**" bermaksud bahagian tertentu Sumbangan yang dipersetujui untuk disumbangkan oleh Orang Dilindungi apabila berlaku aktiviti dan Kejadian Takaful yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful, lantas membolehkan Orang Dilindungi memenuhi kewajipannya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya Orang Dilindungi lain mengalami kerugian yang dinyatakan, di mana sumbangannya bertujuan membantu orang lain dan sumbangan orang lain bertujuan membantunya;*

"**Takaful Events**" shall mean events on which the Takaful Benefits are payable;
*"**Kejadian Takaful**" bermaksud kejadian di mana Manfaat Takaful akan dibayar;*

"**Takaful Operator**" shall mean Hong Leong MSIG Takaful Berhad and its successors in title and lawful assigns;
*"**Pengendali Takaful**" bermaksud Hong Leong MSIG Takaful Berhad dan termasuk pengganti hak dan penerima serah hak yang sah;*

"**Total and Permanent Disability**" or "**TPD**" or "**Disability**" means any complete and continuous inability of the Person Covered due to Injury or Sickness to perform at least three (3) out of six (6) Activities of Daily Living (ADL) or suffers from Presumptive Disability.
*"**Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**" atau "**TPD**" atau "**Hilang Upaya**" bermaksud sebarang ketidakupayaan penuh dan berterusan Orang Dilindungi akibat Kecederaan atau Penyakit untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) atau mengalami Hilang Upaya Andaian.*

"**Wakalah Fees**" shall mean the Takaful Operator's administration, inclusive of all distribution commissions, to prudently manage the Takaful Funds for the interest of all Person Covered;
*"**Yuran Wakalah**" bermaksud yuran pentadbiran Pengendali Takaful, termasuk semua komisen pengedaran, untuk menguruskan Dana Takaful dengan teliti demi kepentingan semua Orang Dilindungi;*

A masculine personal pronoun as used herein includes the feminine, wherever the context requires.
Kata ganti nama lelaki seperti yang digunakan di dalam ini turut termasuk wanita, mengikut konteks.

Termination / *Penamatan*

The Takaful coverage hereunder of any Person Covered shall cease automatically upon the occurrence of any of the following events:
Perlindungan Takaful di bawah ini bagi mana-mana Orang Dilindungi hendaklah tamat secara automatik apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:

(a) The termination of the Master Certificate; or
Penamatan Sijil Induk; atau

(b) Upon death or TPD of the Person Covered; or
Apabila Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami TPD; atau

(c) Upon Person Covered age 51 years old, age next birthday; or
Ketika Orang Dilindungi berumur 51 tahun, umur pada hari jadi berikutnya; atau

(d) The cessation of Contribution payments on account of the Person Covered's Takaful coverage thereunder; or
Pemberhentian bayaran Sumbangan bagi perlindungan Takaful Orang Dilindungi tersebut; atau

(e) Such Person Covered's entry into the military, naval or air forces of any country at war, declared or undeclared; or
Orang Dilindungi menyertai tentera darat, laut atau udara mana-mana negara yang sedang berperang, sama ada diisytiharkan atau tidak; atau

(f) Upon expiry of the Master Certificate; or
Selepas luput Sijil Induk; atau

(g) When active membership with the Master Certificate Holder is terminated.
Apabila keahlian aktif dengan Pemegang Sijil Induk ditamatkan.

Contribution Payments / *Pembayaran Sumbangan*

Contributions are payable to the Takaful Operator via the Master Certificate Holder on a monthly basis. The first Contribution shall be payable at the Commencement Date and subsequent Contributions shall be payable on the Certificate Anniversary.
Sumbangan akan dibayar kepada Pengendali Takaful melalui Pemegang Sijil Induk secara bulanan. Sumbangan pertama akan dibayar pada Tarikh Kuatkuasa dan Sumbangan seterusnya akan dibayar pada Ulang Tahun Sijil.

Allocation of Contributions / *Peruntukan Sumbangan*

The Contributions, once received by the Takaful Operator, shall be allocated to, after due deduction of Wakalah Fees to the Takaful Operator Fund, to the PRF. The Takaful Operator is entitled to receive from each allocated Contribution prescribed Wakalah Fees for its services rendered which shall be deducted upon payment of Contributions by the Person Covered via the Master Certificate Holder.
Sumbangan, apabila diterima oleh Pengendali Takaful dan selepas ditolak Yuran Wakalah yang sewajarnya kepada Dana Pengendali Takaful, akan diperuntukkan kepada PRF. Pengendali Takaful berhak untuk menerima daripada setiap Sumbangan yang diperuntukkan, Yuran Wakalah bagi perkhidmatannya yang diberikan, yang akan ditolak daripada Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk.

The Wakalah Fees are inclusive of all distributors' commission. The Wakalah Fees shall be transferred to the Takaful Operator's Fund.
Yuran Wakalah adalah termasuk semua komisen pengedar. Yuran Wakalah akan dipindahkan kepada Dana Pengendali Takaful.

After deduction of prescribed Wakalah Fees, the remainders of Contributions shall be credited wholly into the PRF as Tabarru' charges, the amounts remaining in which are not obligations of the Takaful Operator.
Selepas ditolak Yuran Wakalah yang ditetapkan, baki Sumbangan akan dikreditkan sepenuhnya kepada PRF sebagai caj Tabarru', amaun bakinya adalah bukan kewajipan Pengendali Takaful.

Wakalah Fees / *Yuran Wakalah*

This fee will be applied upon payment of the monthly contribution and shall be defined as thirty six percent (36%) of the monthly contribution. The Takaful Operator may vary the Wakalah Fees from time to time subject to the approval of the Takaful Regulatory Authority. The Takaful Operator shall notify the Master Certificate Holder at least three (3) months before the revision.
Yuran ini dikenakan selepas pembayaran sumbangan bulanan dan ditakrifkan sebagai tiga puluh enam peratus (36%) sumbangan bulanan. Pengendali Takaful boleh mengubah Yuran Wakalah dari masa ke masa tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful. Pengendali Takaful hendaklah memberitahu Pemegang Sijil Induk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum semakan.

Participants' Risk Fund (PRF) / *Dana Risiko Peserta (PRF)*

The Takaful benefits will be paid from the PRF. The surplus in the PRF shall be determined on a yearly basis. At the end of each Financial Year of the Takaful Operator, subject to recommendation by the Takaful Operator's appointed actuary and Shariah Committee as well as the approval by the Takaful Operator's board of directors, such surplus will be shared between the Takaful Operator and the Person Covered in the ratio of 50:50.
Manfaat Takaful akan dibayar daripada PRF. Lebihan PRF akan ditentukan secara tahunan. Pada akhir setiap Tahun Kewangan bagi Pengendali Takaful, tertakluk kepada cadangan oleh ahli aktuari yang dilantik oleh Pengendali Takaful dan Jawatankuasa Syariah dan juga kelulusan oleh Lembaga Pengarah Pengendali Takaful, lebihan tersebut akan dikongsi antara Pengendali Takaful dan Orang Dilindungi pada nisbah 50:50.

Tabarru' / *Tabarru'*

The contribution after Wakalah Fee will be payable to the PRF and considered as donation to the extent of the used portion only.
Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan dibayar kepada PRF dan dianggap sebagai derma setakat bahagian yang digunakan sahaja.

Takaful Operator Fund / *Dana Pengendali Takaful*

The Takaful Operator's Fund shall receive the Wakalah fees and in return shall provide for all management expenses and distributors' commissions, as well as fund any Qard which may be required in case of possible deficit in the PRF. The financed amount shall be recovered from future surplus generated in the PRF.
Dana Pengendali Takaful akan menerima Yuran Wakalah dan sebagai pertimbangan akan menanggung semua perbelanjaan pengurusan dan komisen pengedar, dan juga membiayai sebarang Qard, yang mungkin diperlukan sekiranya berlaku sebarang defisit dalam PRF. Jumlah dibiayai akan diperolehi semula daripada lebihan masa depan yang dihasilkan oleh PRF.

Qard / *Qard*

The shareholders of the Takaful Operator shall arrange, if necessary, Qard (or an interest free loan), if the PRF goes into a deficit position towards the solvency of the PRF after using the Contingency Reserves. The loan shall be repaid only on the original amount disbursed, from the future surplus of the PRF, in a lump sum or on an installment basis depending on the emerging future surplus and the amount of the finance disbursed.
Pemegang saham Pengendali Takaful hendaklah mengatur, jika perlu, Qard (atau pinjaman tanpa faedah), sekiranya PRF mengalami keadaan defisit yang menjejaskan kecairan PRF selepas menggunakan Rizab Luar Jangka. Pinjaman akan dibayar balik hanya setakat amaun asal yang dikeluarkan, daripada lebihan masa depan PRF, menerusi pembayaran sekali gus atau ansuran bergantung kepada lebihan masa depan yang timbul dan amaun Qard yang dikeluarkan.

Retakaful / *Takaful Semula*

The Takaful Operator on behalf of the all Person Covered under the Master Certificate shall be authorized to procure Retakaful to protect the interests of all Person Covered. Retakaful arrangement for each PRF shall be made independently and the Retakaful Contributions shall be paid from the PRF. In case that the required Retakaful that is appropriate and fair for the protection of the Person Covered is not available, the Takaful Operator has the right to make the appropriate Reinsurance arrangements as necessity.
Pengendali Takaful, bagi pihak semua Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk, akan diberi kebenaran untuk memperolehi Takaful Semula untuk melindungi kepentingan semua Orang Dilindungi. Perjanjian Takaful Semula bagi setiap PRF akan dibuat secara berasingan dan Sumbangan Takaful Semula akan dibayar daripada PRF. Sekiranya Takaful Semula yang diperlukan yang wajar dan adil untuk melindungi Orang Dilindungi tidak boleh didapati, Pengendali Takaful berhak untuk mengatur perjanjian Takaful Semula sebagai satu keperluan.

Renewal Privilege / *Keistimewaan Pembaharuan*

This Takaful Certificate is issued for the term of one (1) year and at the end of each Takaful Certificate Year may be renewed subject to the consent of the Takaful Operator for another certificate year.
Sijil Takaful ini dikeluarkan untuk tempoh satu (1) tahun dan pada akhir setiap Tahun Sijil Takaful, boleh diperbaharui tertakluk kepada kebenaran Pengendali Takaful bagi satu lagi tahun sijil.

The Contract / *Kontrak*

(a) All statements made by the Master Certificate Holder, or by the Person Covered shall in the absence of fraud, be deemed representations and not warranties, and no statement shall void the benefit, or be used in defence of a claim under it, unless it is in writing.
Semua kenyataan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Induk atau oleh Orang Dilindungi yang dilindungi, hendaklah tanpa penipuan, dianggap sebagai pernyataan dan bukan jaminan, dan tiada kenyataan akan membatalkan manfaat, atau digunakan untuk mempertahankan tuntutan di bawahnya, melainkan dibuat secara bertulis.

(b) The rights of the Master Certificate Holder or of any Person Covered under the Master Certificate shall not be affected by any provision other than those contained in this Certificate or in the copy of the Master Certificate Holder's application attached hereto, or in the individual application form of a Person Covered or in any other document which constitute part of the entire contract.
Hak Pemegang Sijil Induk atau mana-mana Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana peruntukan selain daripada yang terkandung di dalam Sijil ini atau dalam salinan permohonan Pemegang Sijil Induk yang dilampirkan bersama ini, atau dalam borang permohonan individu Orang Dilindungi atau dalam sebarang dokumen lain yang meliputi sebahagian daripada seluruh kontrak.

(c) No agent is authorized to alter or amend this Master Certificate, to accept Contributions in arrears or to extend the Due Date of the Contribution, to waive any notice or proof of claim required by this Master Certificate, or to extend the date before which any such notice or proof must be submitted. No change in this Master Certificate shall be valid unless approved by the Takaful Operator and evidenced by endorsement hereon, or by amendment hereto signed by the Master Certificate Holder and by the Takaful Operator.
Tiada ejen dibenarkan untuk mengubah atau meminda Sijil Induk ini, untuk menerima Sumbangan tertunggak atau melanjutkan Tarikh Sumbangan Perlu Bayar, untuk menepikan sebarang notis atau bukti tuntutan yang diperlukan oleh Sijil Induk, atau untuk melanjutkan tarikh di mana notis atau bukti tuntutan sedemikian perlu dikemukakan. Tiada perubahan dalam Sijil Induk ini adalah sah melainkan diluluskan oleh Pengendali Takaful dan dibuktikan menerusi pengendorsan di dalam ini, atau sebarang pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh Pemegang Sijil Induk dan oleh Pengendali Takaful.

Misstatement / *Salah Nyata*

(a) If the age or date of birth or other relevant facts relating to a Person Covered shall be found to have been misstated and if such misstatement affects the scale of benefits or has anything to do with the terms and conditions of the Master Certificate, the true age and facts shall be used in determining whether benefit is in force under the terms of the Master Certificate and the benefits payable therefrom, and an equitable adjustment of Contributions shall be made.
Jika umur atau tarikh lahir atau fakta berkaitan lain yang berkenaan dengan Orang Dilindungi didapati telah disalahnyatakan dan sekiranya salah nyata tersebut mempengaruhi skala manfaat atau berkaitan dengan terma dan syarat Sijil Induk, usia dan fakta sebenar hendaklah digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu manfaat berkuat kuasa di bawah terma Sijil Induk dan manfaat yang perlu dibayar daripadanya, dan pelarasan saksama Sumbangan akan dibuat.

(b) Where a misstatement of age or other relevant facts has caused a Person Covered to be covered hereunder when he is otherwise ineligible for benefit, or where such statement has caused a Person Covered to remain covered when he would otherwise be disqualified for further benefit in accordance with the terms and limitations of the Master Certificate, his benefit shall be void and there shall be a return of Contributions paid in respect of the Person Covered, provided always that where there is fraud on the part of the Master Certificate Holder or Person Covered, no Contributions paid are to be returned.
Apabila salah nyata umur atau fakta berkaitan yang lain telah menyebabkan Orang Dilindungi dilindungi di bawah ini sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima manfaat, atau di mana kenyataan tersebut telah menyebabkan Orang Dilindungi untuk terus kekal dilindungi sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima manfaat selanjutnya menurut terma dan had Sijil Induk, manfaat tersebut adalah tidak sah dan Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi akan dipulangkan, dengan syarat dalam segala hal bahawa jika didapati penipuan di pihak Pemegang Sijil Induk atau Orang Dilindungi, Sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan.

Contribution Rate / *Kadar Sumbangan*

(a) The Takaful Operator shall have the right to change the rate at which the Contributions shall be calculated on the Master Certificate anniversary provided the rate that is then being charged has been in effect for at least twelve (12) months and provided further that the Takaful Operator notifies the Master Certificate Holder at least thirty (30) days in advance.
Pengendali Takaful berhak untuk mengubah kadar di mana Sumbangan akan dikira pada ulang tahun Sijil Induk dengan syarat kadar yang dikenakan pada waktu itu telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pengendali Takaful memaklumkan Pemegang Sijil Induk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal.

(b) Contribution adjustments, if any, shall be made effective as from Certificate Anniversary only. Contribution adjustments involving return of unused Contribution to the Master Certificate Holder shall be limited to the period of twelve (12) months immediately preceding the date of receipt by the Takaful Operator of evidence that such adjustment should be made.
Pelarasan sumbangan, jika ada, akan dikuatkuasakan dari Ulang Tahun Sijil sahaja. Pelarasan Sumbangan melibatkan pemulangan Sumbangan yang tidak digunakan kepada Pemegang Sijil Induk adalah terhad kepada tempoh dua belas (12) bulan sejurus sebelum tarikh penerimaan oleh Pengendali Takaful tentang bukti bahawa pelarasan tersebut perlu dibuat.

Filing Proof of Loss / *Memfailkan Bukti Kerugian*

Written notice of claim must be given to the Takaful Operator within thirty (30) days of the Master Certificate Holder being aware of the event of claim under this certificate. The proof of claim must be given to the Takaful Operator within thirty (30) days in such forms furnished by the Takaful Operator at the Master Certificate Holder's expense. The Takaful Operator, however, may request the Person Covered to be examined by the Takaful Operator's Medical Examiner or the Master Certificate Holder to furnish the Takaful Operator with further medical reports.
Notis bertulis tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Pemegang Sijil Induk mengetahui tentang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah sijil ini. Bukti tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari dalam bentuk yang

ditetapkan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bagaimanapun, Pengendali boleh meminta Orang Dilindungi untuk diperiksa oleh Pemeriksa Perubatan Pengendali Takaful atau Pemegang Sijil Induk untuk memberikan laporan perubatan selanjutnya kepada Pengendali Takaful.

Other Clauses/ *Klausa Lain*

All claims related to the underwriting year for this Takaful Certificate reported up to 12 months from the expiry date will be processed based on the terms and conditions of this Takaful Certificate. The Takaful Operator will not be liable for claims reported after 12 months from the expiry date. In the event of any discrepancy between the provisions on notification of claims, the terms of this clause shall prevail.
Semua tuntutan yang berkaitan dengan tahun pengunderaitan bagi Sijil Takaful ini yang dilaporkan sehingga 12 bulan dari Tarikh Akhir akan diproses oleh Pengendali Takaful berdasarkan terma dan syarat Sijil Takaful ini. Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan yang dilaporkan selepas 12 bulan daripada Tarikh Akhir. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara peruntukan mengenai pemberitahuan tuntutan, terma klausa ini akan diguna pakai.

Waiting Period / *Tempoh Menunggu*
In the event of Death or TPD due to non-accidental causes within 3 months from the Commencement Date of the Takaful Certificate, no benefits shall be payable. The waiting period does not apply upon the renewal of the Takaful Certificate.
Sekiranya berlaku Kematian atau TPD disebabkan oleh sebab bukan kemalangan dalam tempoh 3 bulan dari Tarikh Kuatkuasa Sijil Takaful, tiada manfaat akan dibayar. Tempoh menunggu tidak akan terpakai ketika pembaharuan Sijil Takaful.

Death Benefit / *Manfaat Kematian*

While this Takaful Certificate is in full force and effect, should the Person Covered die prior to the certificate's expiry, notification and proof of death (at the claimant's expense) must be filed as soon as practicable to the Takaful Operator. The Sum Covered of the Death Benefit as per Takaful Certificate shall be payable.
Selagi Sijil Takaful ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia sebelum tarikh akhir sijil, pemberitahuan dan bukti kematian (atas perbelanjaan penuntut) mesti difailkan secepat mungkin kepada Pengendali Takaful. Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Kematian menurut Sijil Takaful akan dibayar.

Total and Permanent Disability Benefit / *Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal*

While this Takaful Certificate is in full force and effect, should the Person Covered prior to attaining the maximum Total and Permanent Disability age limit suffers from Total and Permanent Disability or Presumptive Disability due to all causes, the Sum Covered of the Total and Permanent Disability Benefit as per the Takaful Certificate shall be payable from the PRF subject to the following conditions:-
Selagi Sijil Takaful ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi, sebelum mencapai had umur maksimum Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau Hilang Upaya Andaian atas semua sebab, maka Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal mengikut Sijil Takaful akan dibayar daripada PRF tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(a) In order for Us to determine for claim purposes the total and Permanent character of the Person Covered's Disability, it is mandatory that the Disability must be uninterrupted for at least six (6) months from first day that such Disability occurred except in cases of Presumptive Disability where We immediately recognise the Disability as being total and Permanent in nature.
Bagi membolehkan Kami menentukan untuk tujuan tuntutan sama ada Hilang Upaya Orang Dilindungi adalah menyeluruh dan kekal, adalah menjadi syarat mandatori bahawa Hilang Upaya tersebut berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari hari pertama Hilang Upaya berlaku kecuali dalam kes Hilang Upaya Andaian di mana Kami serta-merta mengiktiraf Hilang Upaya sebagai menyeluruh dan Kekal.

(b) The Person Covered will be deemed as totally and permanently disabled if the Person Covered is unable to perform at least three (3) of the ADL, either with or without the use of mechanical equipment, special devices or other aids and adaptations in use for disabled persons.
Orang Dilindungi akan dianggap hilang upaya secara menyeluruh dan kekal jika Orang Dilindungi tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) ADL, sama ada dengan atau tanpa menggunakan kelengkapan mekanikal, peralatan khas atau alat bantuan dan penyesuaian lain yang digunakan untuk orang kurang upaya.

(c) If the Disability commences while the Person Covered is still a juvenile, the juvenile Person Covered shall only be deemed totally and permanently disabled if the juvenile Person Covered suffers from a Presumptive Disability. For the purpose of this Certificate, a juvenile Person Covered shall continue to be considered a juvenile until he/she has attained the age of eighteen (18).
Jika Hilang Upaya bermula semasa Orang Dilindungi masih juvenil, Orang Dilindungi juvenil hanya dianggap hilang upaya secara menyeluruh dan kekal jika Orang Dilindungi juvenil mengalami Hilang Upaya Andaian. Untuk tujuan Sijil ini, Orang Dilindungi juvenil terus dianggap juvenil sehingga beliau mencapai umur lapan belas (18) tahun.

(d) Immediately after the happening of the Total and Permanent disability, full particulars thereof must be notified in writing to the Takaful Operator together with the then address and whereabouts of the Person Covered, and, within thirty (30) days after the happening of such Total and Permanent Disability.
Sebaik saja mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, butiran penuh mengenainya mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Pengendali Takaful, bersama dengan alamat dan kedudukan Orang Dilindungi, dan, dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tersebut.

(e) Any medical officer of the Takaful Operator shall be allowed to examine the Person Covered in respect of any alleged disability in the manner and at the times the medical officer may require.
Mana-mana Pegawai Perubatan Pengendali Takaful hendaklah dibenarkan untuk memeriksa Orang Dilindungi berhubung dengan hilang upaya yang didakwa dengan cara dan pada masa yang diperlukan oleh Pegawai Perubatan.

(f) If there is a failure to comply with any one of the foregoing provisions, no claim on account of Total and Permanent Disability shall arise or be valid or enforceable.
Jika terdapat kegagalan mematuhi mana-mana daripada peruntukan di atas, tiada tuntutan disebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan timbul atau menjadi sah atau boleh dikuatkuasakan.

(g) Notwithstanding anything herein contained, it is hereby declared and agreed that the aggregate of the amount payable for Total and Permanent Disability under this Takaful Certificate and all other certificates, if any, providing Total and Permanent Disability coverage for the Person Covered, either already issued or to be issued shall not exceed Ringgit Malaysia Eight Million (RM8,000,000.00)("Total and Permanent Disability Limit") at the time the Person Covered suffers the Total and Permanent Disability. If the aggregate of the amount payable for Total and Permanent Disability exceeds the Total and Permanent Disability Limit, only the Total and Permanent Disability Limit shall be paid and the balance of the Total and Permanent Disability Benefit under this Takaful Certificate shall be payable upon death of the Person Covered. The balance of the Total and Permanent Disability Benefit is not payable on the Expiry Date.
Walau apa pun yang terkandung di dalam ini, adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa amaun agregat yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Sijil Takaful ini dan semua sijil lain, jika ada, yang menyediakan perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bagi Orang Dilindungi, sama ada telah dikeluarkan atau akan dikeluarkan hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8,000,000.00) ("Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal") pada masa Orang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Jika amaun agregat yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal melebihi Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, hanya Had Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal hendaklah dibayar dan baki Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Sijil Takaful ini akan dibayar semasa kematian Orang Dilindungi. Baki Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar pada Tarikh Akhir.

Death Exclusions / *Pengecualian Kematian*

Should the Person Covered, commits suicide within a year from the Commencement Date regardless of his/her mental disposition during the commission of suicide, no Death benefit shall be payable.
Sekiranya Orang Dilindungi, membunuh diri dalam masa satu tahun dari Tarikh Kuatkuasa tanpa mengira keadaan mentalnya semasa membunuh diri, tiada manfaat Kematian akan dibayar.

No Benefit shall be payable if Death results directly or indirectly from:
Tiada manfaat akan dibayar jika Kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

Pre-Existing Condition (PEC):
Keadaan Sedia Ada (PEC):
Pre-existing condition shall mean any injury or illness
Keadaan sedia ada bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit

(a) which existed or have developed prior to the Entry Date; or
yang wujud atau telah dialami sebelum Tarikh Kemasukan; atau

(b) where there exists manifestation of illnesses prior to Entry Date; or
yang tanda penyakit wujud sebelum Tarikh Kemasukan; atau

(c) which based on normal medically accepted pathological development of the illness, such illness would have existed prior to Entry Date.
yang berasaskan perkembangan patologi normal yang diterima perubatan bagi penyakit tersebut, dan penyakit tersebut dianggap sudah wujud sebelum Tarikh Kemasukan.

Notwithstanding anything to the contrary in this Master Certificate, no Benefit shall be payable if the Death is due to Pre-Existing Condition unless at the time of Death, the Person Covered has been covered for more than twelve (12) months from the Entry Date and the Person Covered has duly disclosed such injury or illness and has been fully underwritten and accepted in writing by the Takaful Operator prior to the Entry Date.
Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk ini, tiada Manfaat akan dibayar jika Kematian disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa Kemataian, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Kemasukan dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan sewajarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum Tarikh Kemasukan.

TPD Exclusion / *Pengecualian TPD*

No Takaful benefit shall be payable if Total and Permanent Disability results directly or indirectly from:
Manfaat Takaful tidak akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat:

(a) intentional self-inflicted injury or any attempt threat while sane or insane; or
kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau

(b) while under the influence of alcohol or drugs unless taken as prescribed by a medical practitioner. For the avoidance of doubt, a person is considered as under the influence of alcohol if the breath, blood or urine test result is over the prescribed limit under the Road Transport Act 1987 or applicable act in Malaysia law; or
semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan diambil seperti yang ditetapkan oleh pengamal perubatan. Untuk mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau air kencing melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau akta yang terpakai dalam undang-undang Malaysia; atau

(c) engaging in flying for the purpose of any trade or technical operation or hobby or in any other aerial activities except as a pilot, aircrew or as a fare paying passenger on a regularly scheduled flight of a commercial aircraft or charter service; or
melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau

(d) any breach of the law by the Person Covered; as a result of the Person Covered committing, attempting or provoking an assault or felony, or from any violation or attempted violation of law by the Person Covered or resistance to arrest; or
sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; disebabkan Orang Dilindungi melakukan, membuat percubaan atau memprovokasi serangan atau feloni, atau sebarang pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang Dilindungi atau tindakan menentang penangkapan; atau

(e) disease(s) resulting from HIV infection, AIDS or any AIDS related complex unless the condition or disease or infection arose as a result of blood transfusion or occupationally acquired; or
penyakit yang timbul daripada jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS melainkan keadaan atau penyakit atau jangkitan timbul disebabkan pemindahan darah atau dialami daripada pekerjaan; atau

(f) radiation or radioactive contamination from any source; or
radiasi atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana sumber; atau

(g) military or naval service in time of declared or undeclared war, while under order for warlike operations or restoration of public order; or
perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau

(h) riot and civil commotion, strikes or terrorist activities; or
rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan; atau

(i) involvement in any dangerous sports or hobbies such as racing (other than on foot), glider flying, sailing, or other hobbies which are comparably dangerous and risky; or
penglibatan dalam sebarang sukan atau hobi berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain dengan tahap bahaya atau risiko yang sebanding; atau

(j) any Disability that existed prior to or at the Commencement Date.
sebarang Hilang Upaya yang wujud sebelum atau pada Tarikh Kuatkuasa.

No Benefit shall be payable if Total and Permanent Disability results directly or indirectly from:
Tiada manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

Pre-Existing Condition (PEC):
Keadaan Sedia Ada (PEC):
Pre-existing condition shall mean any injury or illness
Keadaan sedia ada bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit

(a) which existed or have developed prior to the Entry Date; or
yang wujud atau telah dialami sebelum Tarikh Kemasukan; atau

(b) where there exists manifestation of illnesses prior to Entry Date; or
yang tanda penyakit wujud sebelum Tarikh Kemasukan; atau

(c) which based on normal medically accepted pathological development of the illness, such illness would have existed prior to Entry Date.
yang berasaskan perkembangan patologi normal yang diterima perubatan bagi penyakit tersebut, dan penyakit tersebut dianggap sudah wujud sebelum Tarikh Kemasukan.

Notwithstanding anything to the contrary in this Master Certificate, no Benefit shall be payable if the Total and Permanent Disability is due to Pre-Existing Condition unless at the time of Total and Permanent Disability, the Person Covered has been covered for more than twelve (12) months from the Entry Date and the Person Covered has duly disclosed such injury or illness and has been fully underwritten and accepted in writing by the Takaful Operator prior to the Entry Date.
Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk ini, tiada Manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal adalah disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan

dari Tarikh Kemasukan dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan sewajarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum Tarikh Kemasukan.